

30 MAY 2003

Samy-MIC/I

SAMY LEPASKAN JAWATAN PENERUS MIC WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu telah melepaskan jawatannya sebagai penerus MIC Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) bagi memberi peluang kepada Datuk V.K.K. Teagarajan, timbalan penerus bahagian itu, mengambil alih jawatan tersebut.

"Saya ada banyak tanggungjawab, Saya tidak boleh lakukan segala-galanya," kata Samy Vellu kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa kerja pusat (CWC) di ibu pejabat MIC di sini hari ini.

Teagarajan, seorang ahli politik veteran yang pernah mengetuai MIC Kuala Lumpur sebelum Samy Vellu mengambil alih jawatan itu tiga tahun lepas, menjadi tumpuan selepas beliau menarik balik pencalonannya pada 1 Mei untuk bertanding salah satu daripada tiga jawatan naib presiden pada pemilihan parti itu 10 Mei lepas, tujuh jam selepas menyerahkan pencalonannya.

Pemerhati politik pada masa ini berkata penarikan diri Teagarajan itu adalah ekoran tekanan dan "pujukan" pemimpin MIC. Ia bukan lagi rahsia dalam MIC bahawa Teagarajan akan "dibalas" kerana pangunduran itu.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya pada akhir persidangan agung MIC selama dua hari itu, melantik Teagarajan menganggotai CWC MIC dan menjadikannya ketua penerangan yang dianggap sebagai tanda "terima kasih" kepada hartawan tekstil kerana memenuhi hasrat presiden MIC.

Ditanya sebab beliau melepaskan kedudukan itu sekarang sedangkan telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai ketua bahagian sepanjang tiga tahun lepas, Samy Vellu berkata: "Saya lakukan kerja yang baik, tetapi dia (Teagarajan), selaku timbalan saya bertugas lebih baik lagi".

Ditanya sama ada pelantikan Teagarajan merupakan "kompromi", Presiden MIC itu berkata ia tidak benar.

"Ini bukan kompromi. Kompromi itu sudahpun diselesaikan," katanya.

Samy Vellu juga mengumumkan senarai ketua-ketua biro kebangsaan dengan timbalan presiden Datuk S. Subramaniam mengetuai biro hal ehwal perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna, naib-naib presiden Datuk S. Veerasingham (biro kebajikan dan pembangunan sosial) dan Datuk G. Palanivel (biro pembangunan luar bandar).

Veteran MIC Tan Sri G. Vadivello akan mengetuai biro disiplin, anggota CWC Datuk Dr T. Marimuthu (biro pendidikan) dan anggota baru CWC G. Vimalathavi (pembangunan wanita).

Pelantikan Vimalathavi itu mengejutkan kerana tindakannya bertanding jawatan CWC dianggap sebagai "usaha yang tidak berhasil".

Beliau bagaimanapun menduduki tempat ke-18 daripada 23 anggota CWC meskipun bukan dalam senarai calon presiden.

Pelantikannya untuk mengetuai biro pembangunan wanita dilihat sebagai satu tamparan kepada ketua wanita MIC Senator Jaya Partiban kerana secara tradisinya ketua wanita parti akan mengetuai biro pembangunan wanita.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu berkata parti itu mahu Kementerian Pendidikan mengkaji semula kemasukan pelajar India ke universiti tempatan.

"Beberapa ratus pelajar India telah memohon untuk memasuki universiti awam tetapi hanya 1,900 orang mendapat tempat. Ada 300 pelajar yang mempunyai kelayakan itu tetapi tidak diterima," katanya.

Beliau berkata pelajar yang diterima memasuki universiti awam telah ditawarkan kursus seperti biologi marin dan perhutanan, yang tidak memberi manfaat kepada mereka pada masa depan.

Samy Vellu berkata beliau sudah mengemukakan perkara itu kepada Menteri

Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau juga berkata MIC sudah mengenal pasti beberapa kerusi dewan undangan negeri akan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperuntukkannya kepada parti itu pada pilihan raya akan datang.

"Bagi kerusi tertentu, kaum India merupakan majoriti seperti Jempol (Negeri Sembilan). Ada juga kerusi di Selangor yang mempunyai ramai penduduk India," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH LAT